

JAWATAN	:	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
GREED	:	DV5
SKIM PERKHIDMATAN	:	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	PENDIDIKAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)
TARAF JAWATAN	:	TETAP
LOKASI	:	JOHOR BAHRU/KUALA LUMPUR
JADUAL GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM1,650.00 – RM6,620.00
		PEKELILING PERKHIDMATAN BIL.1/2024
KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	:	RM145.00
IMBUHAN TETAP KHIDMAT AWAM	:	RM160.00
IMBUHAN TETAP PERUMAHAN	:	RM300.00
BAYARAN IMBUHAN SARA HIDUP	:	RM350.00

SYARAT LANTIKAN:

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Sijil Teknologi Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
 - (b) Sijil Kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
 - (c) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,731.00); atau
 - (d) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang Kejuruteraan atau Teknologi Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,812.00); atau
 - (e) Diploma Teknologi dalam bidang seni bina, ukur bahan, ukur tanah, atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,893.00); atau

- (f) Diploma Teknologi Kejuruteraan dalam bidang seni bina, ukur bahan, ukur tanah, atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,893.00); atau
- (g) Diploma Kejuruteraan, Diploma Seni Bina, Diploma Ukur Bahan, Diploma Ukur Tanah atau Diploma Ukur Bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred DV5: RM1,974.00).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

- 2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT UNIVERSITI:

- 1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
- 2. Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai BMI yang normal.

KRITERIA TAMBAHAN:

- 1. Keutamaan kepada calon yang memiliki sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris di peringkat SPM/SPMV serta berkeupayaan berkomunikasi dengan baik dalam Bahasa Inggeris, sama ada secara lisan mahupun penulisan.
- 2. Keutamaan kepada calon yang mempunyai pengetahuan dalam bidang :
 - 2.1. Bidang Pertanian
 - 2.2. Bidang Penyamanan Udara (calon Lelaki diberi keutamaan)
- 3. Mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Minimum Tahap 4 mengikut bidang yang diperlukan.
- 4. Melempi saringan ujian kompetensi yang ditetapkan oleh Fakulti / Jabatan.

DESKRIPSI TUGAS :

- 1. Bertanggungjawab melaksanakan pengajaran teori dan amali di bengkel atau makmal.
- 2. Menyediakan dan mengendalikan latihan termasuk pelan pengajaran, kertas penerangan, kertas tugas, serta bahan bantu mengajar; memastikan pelajar mencapai tahap kemahiran yang ditetapkan.
- 3. Mengawasi pelajar semasa berada di bengkel atau makmal dari aspek kebersihan, keselamatan penggunaan peralatan, dan disiplin semasa latihan.
- 4. Menyelenggara bahan-bahan ujian yang diperlukan.
- 5. Menyelia pelaksanaan semua ujian dan menyediakan laporan kemajuan serta keputusan ujian pelajar.

6. Mengurus semua aspek latihan berkaitan kemahiran termasuk keselamatan, kebersihan, dan penyelenggaraan bengkel atau makmal.
7. Bertanggungjawab terhadap penyediaan inventori serta rekod keluar masuk peralatan di bawah kawalan.
8. Merancang susun atur mesin dan peralatan di bengkel atau makmal.
9. Mengesyorkan pembelian peralatan baharu bagi meningkatkan mutu latihan.
10. Merancang dan membuat permohonan bahan latihan berdasarkan keperluan bengkel atau makmal.
11. Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

CARA DAN PERATURAN PERMOHONAN:

1. Pemohon hendaklah membuat permohonan secara dalam talian (<https://mohonjawatan.utm.my/lantikan/>) dan melengkapkan semua maklumat termasuk memuat naik GAMBAR melalui laman web UTM.
2. Bayaran RM20.00 dikenakan bagi satu (1) jawatan. Sila simpan resit bayaran sebagai bukti pembayaran.
3. Sila masukkan maklumat yang sah, lengkap dan tepat. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
4. Calon-calon yang melepasi tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
5. Salinan sijil-sijil akademik dan sijil berkaitan perlu DISAHKAN dan dibawa ketika sesi temu duga dijalankan. (Pengesahan oleh Pegawai Gred 9 dan ke atas).
6. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh (6) enam bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
7. Perokok Adalah Sangat Tidak Digalakkan Memohon.